

~~25/9~~  
~~27/79~~

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN ONI, TIMBALAN  
PERDANA MENTERI, DALAM UPACARA MELETAKKAN  
BATU ASAS KOMPLEKS PERNIAGAAN JALAN  
GOPENG DAN PELANCARAN PERKHIDMATAN BAS  
EKSPRES EKOPA PADA HARI AHAD, 23/12  
DISEMBER, 1973 JAM 3.00 PETANG.

YAB Datuk Menteri Besar,

Pengurus Besar, Perbadanan Kemajuan  
Negeri Perak,

Pengurus Besar, Syarikat EKOSBA,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Saya sangat sukacita hadir dalam  
Majlis pada hari ini kerana diminta untuk  
seresmikan dua upacara. Pertama, meletakkan  
Batu Asas bagi kompleks perniagaan Perbadanan  
Kemajuan Negeri Perak dan <sup>kedua</sup> melancarkan perkhidmatan  
Syarikat Bas Ekspres EKOSBA.

2. Langkah mengadakan kompleks perniagaan  
dan bas ekspres ini sangatlah dialu-alukan

kerana ia sejajar dengan dasar ekonomi baru. Pembukaan kompleks perniagaan ini juga adalah sejajar dengan perkembangan "growth centre" dan perkembangan perniagaan bumiputra di Bandar Ipoh.

3. Saya sangat sukacita melihat bahawa di masa kebelakangan ini, bilangan ahli-ahli perniagaan bumiputra telah bertambah dengan banyaknya dan ini menandakan bahawa kita sedang memasuki satu 'era' baru dalam usaha untuk menjadi masyarakat perdagangan dan perindustrian.

4. Latihan perniagaan dari mula inilah yang sangat penting kerana dari didikan dan pengalaman yang terkumpul akan membolehkan

ahli-ahli perniagaan mempunyai keyakinan kepada diri sendiri. Dari pengalaman yang lepas, adalah didapati bahawa gulungan ahli-ahli perniagaan bukan bumiputra yang maju pada masa ini adalah berasal dari peniaga-peniaga kecil yang telah membenting tulang, berusaha untuk memajukan diri mereka sehingga menjadi ahli perniagaan yang besar. Saya harap perkembangan yang ada ini, akan dituruti pula oleh jenerasi yang akan datang agar dalam tempoh 20 tahun, kita akan dapat mencapai matlamat sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan. Pada masa ini pun, sudah ada beberapa orang peniaga-peniaga bumiputra yang boleh dipanggil "millionaire". Ini adalah hasil dari nikmat mereka.

5. Kawasan kompleks perniagaan Ipoh ini yang agak luas, sangatlah sesuai dengan tujuan kompleks perniagaan kerana ia dilingkungi oleh kawasan kediaman orang-orang Melayu yang ramai. Oleh pada itu, saya mendapat tahu bahawa rancangan perumahan akan juga diadakan di kawasan ini untuk menambahkan penduduk di sekitar kompleks ini.

6. Projek kompleks ini akan menelan belanja sebanyak 56 juta. Ini juga akan menjadi satu kompleks yang lengkap dengan gerai-gerai rumah kedai serta juga pusat hiburan dan lain-lain. Saya sukacita kerana pembenaan gerai-gerai dan telahpun siap.

7. Saya berharap peniaga-peniaga bumiputra akan mengambil kesempatan untuk mengambil gerai dan kedai yang ada di dalam kompleks ini serta mulai dari sekarang membuat rancangan tentang jenis perniagaan yang patut diadakan.

8. Saya ingtulah memberikan sedikit nasihat bahawa dalam jenis perniagaan yang akan dibina di kompleks ini janganlah hendaknya terdapat banyak perniagaan yang sama jenisnya sehingga persaingan menjadi terlalu hebat di antara satu sama lain. Kejadian seperti ini telah pernah berlaku di kompleks perniagaan di tempat lain sehingga menyebabkan perniagaan tidak begitu berkembang dan maju.

9. Saya juga berharap bahawa ahli perniagaan bumiputra akan mula memikirkan jenis perniagaan yang besar dan tidak lagi semata-mata menumpukan kepada "boutique", "restaurant" dan sebagainya. Masanya telah tiba untuk kita berfikir besar dan berjaya besar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Mengambil kesempatan ini juga saya inginlah menyatakan penghargaan dan pujian kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, yang telah juga merancang mengadakan kompleks perniagaan di seluruh negeri di beberapa tempat seperti Kinta, Ipoh, Kuala Kangsar, Tapah, Taiping, Parit Buntar dan Teluk Anson.

Saya yakin dengan kompleks yang akan dibangun ini akan benar-benar memberikan peluang dan kesempatan kepada ahli perniagaan berniaga dan memajukan diri mereka dalam lapangan tertentu.

11. Di bawah dasar ekonomi baru, Kerajaan adalah menggalak dan menyokong perkembangan perniagaan dan perindustrian di kalangan bumiputra. Kesempatan-kesempatan yang diberikan ini dibuat selaras dengan kehendak negara dan di samping itu Kerajaan juga akan mengadakan peluang-peluang yang lain. Dalam pada itu, saya juga ingin supaya golongan bumiputra tidak hanya bergantung kepada Kerajaan bagi mengadakan kemudahan tempat seperti ini, tetapi sebaliknya

menggunakan inittiatif dan daya usaha sendiri bagi mengadakan tempat perniagaan di kawasan-kawasan yang tidak diliputi oleh rancangan Perbadanan atau Kemajuan Kerajaan.

12. Saya percaya inittiatif dan usaha yang seperti ini akan juga mendapat bantuan daripada Kerajaan, terutama sekali pihak UDA yang sentiasa membukakan pejabatnya untuk melayani sebarang permintaan dari pihak bumiputra.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

13. Beralih kepada perkhidmatan Bas Ekspres EKOSBA, satu-satunya syarikat pengangkutan yang dimodali bersama oleh beberapa pertubuhan, saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan

tahniah kepada Lembaga Pengarah syarikat yang telah dapat menubuhkan satu syarikat Ekspres pengangkutan bus dari Taiping ke Butterworth. Kegiatan ini sangatlah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru di mana gulungan-gulungan bumiputra samada sebagai perserongan atau badan bergiat menggalakkan penyertaan bumiputra mempunyai kepentingan dalam memajukan perusahaan pengangkutan.

14. Lapangan pengangkutan merupakan satu bidang yang telah mula dimasuki oleh pengusaha bumiputra. Semenjak beberapa tahun yang lepas ini, penyertaan bumiputra dalam bidang pengangkutan telah mula bertambah, tetapi bilangannya masih kecil.


Bagaimanapun, Kerajaan adalah menggalakkan perkembangan pengangkutan ini, khas kepada syarikat-syarikat yang tulen dikendalikan oleh bumiputra sendiri dan tidak hanya semata-mata atas nama saja. Peluang yang seperti ini sangatlah baik bagi syarikat bumiputra membuktikan kebolehan dan kemampuan menyertai dan mengurus secara aktif dalam lapangan pengangkutan bas. Saya percaya dengan ketabahan dan pengurusan yang sempurna, syarikat ini akan dapat dimajukan dengan cara yang lengkap, asalkan pihak pengurus bersikap amanah dan mempunyai motivation yang tertentu.

15. Sebagai penutup, saya berharap dalam tahun yang akan datang, syarikat ini akan dapat meluaskan lagi perkhidmatannya kerana jalan dan bilangan penumpang di antara Telipang dan Butterworth adalah kian meningkat dan menjadikannya satu kawasan yang sangat menarik. Saya juga menyatakan harapan agar syarikat ini akan dapat diajukan dalam serba bidang di samping melatih golongan bumiputra di lapangan pengangkutan serta mengetahui muslihat-muslihat yang terkandung dalam perniagaan di bidang ini.

16. Dengan harapan dan ingatan ini, saya penuh sukacita melotakkan "Datu Asas" bagi kompleks perniagaan Perbadanan Kemajuan Negeri

Perak di Ipoh dan Melancarkan Perkhidmatan  
Bas Ekspres EKOMA. Semoga kedua-dua usaha  
ini akan berjaya dan menepati akan tujuan  
tanya diasaskan.

Terimakasih.





No. Siri	583
No Penerimaan	93/79